


Lengkapkan teks dengan simpulan bahasa yang betul.

Pemain Badminton yang Hebat



isi hati

cakap besar

ayam tambatan

ada hati

ambil berat

tanda mata

Irfan dan Imran amat menggemari sukan badminton. Irfan _____ bagi sekolahnya dalam permainan badminton. Pada setiap tahun, dia wakili sekolahnya ke peringkat negeri.

Setiap kali bermain, Irfan bersungguh-sungguh. Irfan juga tidak pernah _____ walaupun sudah berjaya. Imran mahu mencontohi sikap abangnya. Dia juga _____ untuk menjadi pemain badminton seperti abangnya.

Encik Ismail dan Puan Sakina sentiasa _____ tentang minat anak-anak mereka. Mereka juga memahami _____ anak-anak mereka yang meminati sukan badminton.

Jika ada masa, Encik Ismail akan membawa keluarganya bermain badminton. Mereka akan bertanding sesama sendiri. Encik Ismail dan Puan Sakina akan memberikan _____ kepada pemenang sebagai kenang-kenangan.